

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

26 KPI perlu dicapai KJ dalam 100 hari

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) menetapkan 26 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk dicapai dalam tempoh 100 hari pertama ini merangkumi pengurusan pandemik COVID-19, penambahbaikan sistem kesihatan, isu kesihatan mental dan penyakit tidak berjangkit.

KKM juga mahu menyelesaikan isu berkaitan kekeliruan prosedur operasi standard (SOP), kadar vaksinasi, dos penggalak,

ketelusan urus tadbir pandemik, penggunaan ubat Ivermectin dan penjualan kit saringan sebelum akhir tahun ini.

Meskipun kebanyakannya KPI berfokus kepada perkara berkaitan COVID-19, kepemimpinan baharu KKM yang diterajui Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin, tidak meminggirkan isu lain seperti kesihatan mental, petugas perubatan kontrak, NCD dan pembangunan kanak-kanak.

Nasional 3



Stor simpanan ubat KKM musnah dilanda tanah runtuhan

Sebuah stor penyimpanan ubat-ubatan milik Kementerian Kesihatan (KKM) Kota Kinabalu, empat kenderaan, termasuk sebuah motosikal milik kakitangan KKM musnah dalam kejadian tanah runtuhan akibat hujan lebat di Kampung Kopungit, berhampiran Hospital Queen Elizabeth (HQE), di Kota Kinabalu semalam. Berikutnya kejadian banjir dan tanah runtuhan sejak kebelakangan ini, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, turut mengumumkan cadangan kementerian untuk menubuhkan sebuah pasukan pakar terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi berkaitan serta pakar dari luar negara untuk mengkaji dan menilai risiko kejadian bencana geologi di negara ini. **Nasional 8**

(Foto Adam Arinin/BH)

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Pesakit kategori 3 ada rekod komorbid dirawat di wad, PKRC

KKM ambil tindakan kurangkan kadar kematian di luar hospital

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Tampin: Pesakit COVID-19 kategori 3 yang mempunyai sejarah penyakit komorbid akan dirawat di hospital awam atau Pusat Kuaran dan Rawatan COVID-19 (PKRC) supaya boleh dipantau dan dirawat doktor serta petugas kesihatan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata langkah itu diambil Kementerian Kesihatan (KKM) dalam usaha mengurangkan kadar kematian dalam kala pesakit berkenaan di luar hospital atau broug

ht-in-dead (BID).

"Bagi pesakit kategori 3, keutamaan akan diberi kepada mereka yang mempunyai sejarah penyakit serius untuk ditempatkan di hospital awam atau PKRC, manakala yang tiada komorbiditi atau bergejala ringan akan diminta kuarantine di rumah.

"Bagaimanapun, saya tegaskan dalam kes tertentu, kita bagi pengecualian seperti wanita hamil, warga emas atau keadaan rumah yang tidak mengizinkan untuk mereka dikuarantine di rumah.

"Mereka yang tidak bergejala, bergejala ringan atau kategori 3 yang tidak berisiko dan boleh dikuarantine di rumah perlu sentiasa berwaspada dan menggunakan *home assessment tool* dalam aplikasi MySejahtera," katanya selepas melawat Hospital Tampin di sini, semalam.

Belialu berkata demikian ketika mengulas pandangan sesetengah pihak supaya pesakit COVID-19 kategori 3 diberikan rawa-



Khairy bersama Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Mohd Shafiq Abdullah ketika mengadakan lawatan kerja di Hospital Tampin, Selangor. (Foto BERNAMA)

watan di hospital berbanding dibiar kuarantine di rumah.

Khairy berkata, usaha KKM menurunkan kadar BID akan da-

pat dijawab sekiranya mereka yang dikuarantine di rumah melaksanakan kawalan dan pemerkasaan kendiri.

Beliau berkata, ia penting untuk KKM memantau kesihatan mereka dan jika keadaan kesihatan merosot seperti sukar bernafas, sakit dada atau kekurangan oksigen kepada 90 peratus, mereka perlu segera mendapatkan khidmat ambulans bagi kesmasukan ke hospital atau PKRC.

Sementara itu, Khairy yang juga Ahli Parlimen Rembau, berkata Negeri Sembilan bakal menerima 12,000 dos vaksin jenis CanSino menerusi dua peringkat penerimaan, iaitu pada 13 September sebanyak 2,000 dos dan 10,000 dos lagi pada 27 September ini khusus untuk masyarakat pedalaman seperti perkampungan Orang Asli.

Beliau berkata, populasi Negeri Sembilan yang menerima suntikan vaksin COVID-19 dos pertama sudah mencapai 98 peratus setakat ini, manakala mereka yang melengkapkan kedua-dua dos mencecah 82 peratus, menunjukkan proses pemulihan daripada pandemik di Negeri Sembilan sudah jelas kelihatan.

Fokus laksana SOP lebih difahami orang ramai

Dari Muka 1

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika mengumumkan pembentukan Jemaah Menteri Keluarga Malaysia, minggu lalu, menetapkan setiap kementerian perlu membuktikan pencapaian awal dalam tempoh 100 hari pertama.

Khairy berkata, sebagai kementerian tunggal bertanggungjawab memerangi COVID-19, KKM pasti menjadi tumpuan rakyat dalam tempoh 100 hari ini dan sudah tentu rakyat mahu melihat langkah diambil bagi mengawal penularan pandemik serta memastikan nyawa rakyat dapat dilindungi.

Antara KPI ditetapkannya ialah membuat persiapan menghadapi COVID-19 sebagai endemik tidak lama lagi, iaitu untuk hidup secara selamat bersama virus SARS-CoV-2 apabila negara mencapai imuniti kelompok.

"Justeru, persiapan dan peralihan dalam kehidupan sehari-hari perlu dibuat dengan baik, selari pembukaan lebih banyak sektor ekonomi dan sosial dalam tempoh terdekat," katanya pada sidang media di sini, kelmarin.

Antara fokus adalah SOP baru menggantikan 'menimbun' SOP ketika ini yang disifatkannya terlalu rumit difahami.

"Bagi tujuan itu, KKM akan bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kewangan serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) untuk mengeluarkan SOP lebih mudah, jelas untuk difahami dalam tempoh endemik," katanya.

Selain itu, beliau berkata, inokulasi untuk golongan berusia 12 hingga 17 tahun dijangka dilaksana seawal minggu depan.

"Ini bergantung bekalan vaksin dan pemberian vaksin kepada remaja akan bermula di Sarawak kerana mereka sudah mencapai nilai ambang 80 peratus.

"Harapannya, dalam tempoh 100 hari ini, seramai mungkin remaja memperolehi vaksin supaya awal tahun depan apabila sesi persekolahan bermula, mereka (pelajar) sudah dilengkapi suntingan imunisasi," katanya.

KKM juga menyasarkan liputan pemberian vaksin dos lengkap kepada individu dewasa menuju Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) mencapai kadar 80 peratus dalam tempoh itu.

Selain itu, memastikan bilangan katil unit rawatan rapi (ICU) mencukupi mengikut keperluan dan menambah katil bagi menampung peningkatan kes, memastikan fasiliti kesihatan

yang mempunyai silinder oksigen yang mencukupi berdasarkan keperluan.

Bagi kes kematian di luar fasiliti kesihatan atau *brought in dead* (BID), Khairy bertekad mengurangkan kadar insiden itu daripada purata 21 peratus daripada keseluruhan jumlah kematian ketika ini, kepada bahwasannya 15 peratus.

Kementerian juga bercadang menambah Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) secara maya di lima negeri iaitu Kelantan, Pulau Pinang, Melaka, Johor dan Perak. Turut dalam perancangan adalah dos ketiga yang dijangka dapat dimulat pada tahun ini dan dilaksana awal tahun depan.

Belialu berkata, keputusan mengenai pemberian vaksin jenis sama (homologous) atau berbeza (heterologous) untuk suntikan dos penggalak juga akan diumumkan dalam tempoh terdekat.

"Malah, kajian ujian klinikal mengenai keberkesanannya ubat Ivermectin dalam mencegah kejadian penyakit COVID-19 ke kategori 4 atau 5 juga akan diluaran supaya polemik mengenainya dapat dihentikan.

"Kita akan turut menghasilkan aplikasi versi Beta untuk kesan COVID-19 melalui batuk dengan membangunkan pangkalan data suara, alat pengumpulan dan pe-

meriksaan suara berdasarkan web dalam talian serta model kecerdasan buatan (AI)," katanya.

Turut disenaraikan adalah untuk menambah 100 peratus bilangan kit ujian pantas (RTK) antigen kendiri yang diluluskan Pihak Berkasur Peranti Perubatan (PBD) daripada 14 jenis (ketika ini) kepada 28.

"Dengan lebih banyak jenis kit saringan kendiri di pasaran, diharap mewujudkan persaingan dan mengurangkan harga jualan kepada pengguna. Penjualan kit RTK juga akan diperluaskan, mencakupi rantaian kedai rungit, berbanding sekadar farmasi atau kemudahan kesihatan keadaan ini," katanya.

Bagi meningkatkan keyakinan rakyat dan aspek ketelusan, Khairy berkata, data terperinci vaksin dan kes COVID-19 akan dimuat naik di saluran perkongsian maklumat terbuka, GitHub mulai minggu depan.

KKM juga akan mengumumkan Dasar Pengesanan dan Sarungan Kebangsaan dalam fasa endemik supaya jelas berapa kali dan dalam keadaan apa kena buat ujian serta aktiviti apa yang merlukan prasarangan.

"Satu ciri baharu dalam MySejahtera akan dibangunkan untuk individu melaporkan kesan berpanjangan akibat virus ini, se-

kali gus membolehkan pakar perubatan memantau dan memberikan nasihat sewajarnya.

"Golongan rentan atau B40 akan terus diberikan perlindungan pada fasa endemik, termasuk belum lagi kit RTK kendiri secara percuma dan ini akan dilakukan menggunakan maklumat pendaftaran daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU)," katanya.

Menyentuh perkara bukan COVID-19, Khairy menyertai teknad untuk cuba memastikan penyelesaian terbaik berhubung isu doktor kontrak yang dilaksanakan sejak 2016.

Bagaimanapun, katanya, perincian mengenai perkara itu tidak dapat didehakai buat masa ini, kerana ia masih dalam peringkat perbincangan dengan perbadanan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"KKM akan berunding dengan JPA mengenai tempoh pelantikan kontrak tambahan, iaitu dua hingga empat tahun selepas tempoh kontrak khidmat wajib tamat," katanya.

KKM juga akan meningkatkan perkhidmatan kesihatan primer kepada masyarakat melalui penggunaan telekonsultasi, selain mengurangkan kes pembelahan tertinggi (elektif) dengan penyumbangan luar ke fasiliti swasta di seluruh negara.

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Pelan kecemasan tangani jangkitan di sekolah

Kementerian Pendidikan rangka SOP baharu bersama pakar KKM

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Yan: Kementerian Pendidikan (KPM) menyediakan pelan kecemasan jika berlaku penularan wabak COVID-19 di sekolah selepas pembelajaran bersempena dimulakan secara berperingkat mulai 3 Oktober ini.

Menterinya, Datuk Dr Radzi Jidin, berkata pelan itu membabitkan prosedur operasi standard (SOP) baharu yang dirangka bersama-sama pakar Kementerian Kesihatan (KKM).

Katanya, pegawai KPM juga dalam proses mendapatkan pandangan pihak berkepentingan di seluruh negara dan memberi taklimat kepada guru serta pentad-

bir sekolah.

"Kita sedang mengadakan sesi libat urus. Apabila selesai, kita akan duduk balik dengan KKM berdasarkan pandangan dan input yang kita terima dan dari situ, kita umumkan apa kaedahnya. Sekolah juga tidak akan dibuka serentak, sebaliknya secara berperingkat atau mengikut fasa yang kita aturkan."

"Kita akan menjelaskan satu persatu, ini satu pelan komprehensif, termasuk SOP baharu dilaksana. Kita juga ada pelan alternatif sekiranya berlaku penularan COVID-19 di sekolah. Ia akan dijelaskan nanti," katanya selepas melawat kerja baik pulih Sekolah Kebangsaan (SK) Haji Nyak Gam di sini, semalam.

Sekolah berkenaan antara terjejas akibat fenomena kepala air melanda pada 18 Ogos lalu, selain Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Yan, SK Langkasuka dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) York Khoon.

Sementara itu, Radzi menjelaskan, guru belum atau enggan menerima vaksin COVID-19 tetap perlu ke sekolah seperti biasa dan melakukan tugasannya kecuali

mengajar secara bersempua.

"Guru-guru ini hanya tidak dibenarkan mengajar secara bersempua dalam kelas, tetapi mereka akan diberi tugas lain di sekolah kerana banyak lagi tugas yang perlu dilakukan," katanya menegaskan, beliau sendiri akan berhubung dengan sebahagian daripada guru terbabat bagi mendapatkan kepastian punca mereka tidak divaksin.

Tindakan dan pendekatan selanjutnya terhadap mereka yang enggan menerima pelajaran berkenaan, katanya, sedang dibincangkan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Kelmanin di Kangar, Radzi berkata, KPM sedang berbincang dengan JPA mengenai tindakan boleh diambil ke atas guru yang enggan menerima suntikan pelajaran COVID-19, namun keputusan awal ialah mereka tidak akan dibenarkan mengajar secara bersempua apabila sesi persekolahan dibuka 3 Oktober ini.

Katanya lagi, daripada lebih 400,000 guru di negara ini, kiranya kira 2,500 yang tidak atau enggan divaksin dan KPM terus mengadakan sesi libat urus dengan

kumpulan pendidik terbarbit.

Beliau juga menjelaskan, ada dalam kalangan guru itu memberi alasan tidak dapat divaksin kerana masalah kesihatan, namun ada juga tidak yakin dengan keberkesanan pelajaran berkenaan serta pelbagai alasan lagi.

Sehingga kini, 85.26 peratus guru di negara ini sudah lengkap menerima dua dos vaksin dan 96.7 peratus menerima satu dos vaksin, manakala 73.71 peratus kakitangan perkhidmatan sokongan lengkap dua dos vaksin dan 89.35 peratus lagi menerima satu dos suntikan vaksin.

Dalam pada itu, Radzi menjelaskan, tindakan KPM melaksana proses kaji selidik berkaitan kebenaran pemberian vaksin kepada pelajar adalah bagi mendapatkan gambaran awal berhubung perkara itu, bukannya berbentuk arahan.

"Ia bukan arahan dikeluarkan KPM memandangkan proses pemberian vaksin adalah di bawah Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) dan Badan Bertindak COVID-19 Kebangsaan (CITF)," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Pelan Pemulihan Negara

Lembah Klang sudah sedia beralih ke Fasa 2

Kemasukan pesakit ke ICU, pusat kuarantin menurun

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Lembah Klang berada beralih ke Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN), susulan penurunan kemasukan pesakit COVID-19 ke fasiliti kesihatan, terutama unit rawatan rapi (ICU) dan pusat kuarantin.

Naib Presiden i-Medik, Prof Madya Dr Rafidah Hanim Mokhtar, berkata, keupayaan perkhidmatan kesihatan negara juga kini lebih baik, berbanding beberapa bulan lalu ketika peningkatan kes COVID-19 yang ketara.

Katanya, kadar pelalian yang meningkat diterjemahkan dengan pengurangan gejala yang serius dalam kalangan individu yang sudah divaksinasi.

"Apabila Lembah Klang sudah masuk Fasa 2, terdapat beberapa perkara perlu dilaksanakan se-

cara berterusan, iaitu vaksinasi secara terus atau *walk-in* kerana masih ramai individu belum mendaftar serta sebagai galakan kepada warga asing untuk mendapatkan pelalian berkenaan.

"Selain itu, ujian Rapid Test Kit Antigen (RTK-Antigen) secara berkala perlu dijadikan rutin. Sebahagian prosedur operasi standard (SOP) juga perlu dikekalkan bagi mengawal kes baharu," katanya kepada BH, semalam.

Menurut infografik dikongsikan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV), sehingga jam 11.59 malam kelmarin, Lembah Klang sudah mencapai 95 peratus populasi dewasa lengkap divaksin, manakala 112.2 peratus populasi dewasa mendapat sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Pada 29 Ogos lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob maklumkan kerajaan akan melihat secara terperinci peralihan fasa PPN di Lembah Klang berikutkan kadar pelalian, saria ada suntikan lengkap atau dua dos sudah mencapai kadar 89.5 peratus.

Beliau dilaporkan berkata, sekiranya Lembah Klang sudah mencapai vaksinasi 89.5 peratus,

kawasan berkenaan mungkin berpindah ke fasa seterusnya kerana dari segi kadar imunisasi, sudah melebihi keperluan imuniti kelompok iaitu hampir 90 peratus.

Buat masa ini, terdapat lima negeri dan wilayah masih dalam Fasa 1 PPN, iaitu Kedah, Johor, Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, manakala Fasa 2 membabitkan Kelantan, Pahang, Terengganu, Melaka, Sabah, Perak dan Pulau Pinang.

Negeri yang beralih ke Fasa 3 pula ialah Perlis, Negeri Sembilan dan Sarawak dan setakat ini, hanya Wilayah Persekutuan Labuan yang memasuki Fasa 4.

Dalam pada itu, Presiden i-Medik, Prof Dr Azizi Ayob, berkata walaupun Lembah Klang bersedia untuk beralih ke Fasa 2, ia perlu disekalikan dengan langkah yang lebih kukuh bagi mengurangkan kadar kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

"Kes kematian dan BID ini masih lagi tinggi. Peralihan ke fasa seterusnya perlu disekalikan dengan langkah lebih kukuh oleh pihak berwajib dalam menangani masalah kes kematian di rumah," katanya.

Pendapat berbeza disuarakan

oleh Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh yang berpendapat walaupun kadar pelalian sudah melebihi 50 peratus, mungkin kes baharu disumbangkan oleh individu luar dari Lembah Klang.

"Kalau ikut pada data bilangan kes di Selangor, sudah kurang bawah 4,000 kes. Untuk sektor ekonomi kita sudah boleh beralih, namun dari segi kesihatan, kita belum bersedia.

"Jika beralih ke Fasa 2, banyak sangat sektor ekonomi akan dibuka dan sudah tentunya banyak pergerakan serta memberi risiko kepada individu yang belum divaksin. Contohnya pelajar."

"Kita perlu lihat sehingga kadar jangkitan dalam kategori satu dan kes BID menurun, sebelum dapat beralih fasa seterusnya," katanya.

Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi dan Biostatistik) dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman pula berkata, Selangor perlu menunggu sedikit masa lagi untuk membolehkan penggunaan katil ICU turun sekurang-kurangnya 70 peratus, berbanding kini ka-

nya mencecah 97 peratus.

Dr Malina berkata, walaupun Kuala Lumpur dan Putrajaya menunjukkan penurunan kes dengan ketara, agak sukar untuk membolehkan dua wilayah berkenaan untuk beralih ke fasa seterusnya.

"Kuala Lumpur dan Putrajaya secara logistik seoalah-olah + satu entiti bersama Selangor. Walaupun atas kertas sepatahnya kedua-dua wilayah itu bersedia untuk beralih ke Fasa 2, dalam konteks pengurusan wabak, ia perlu dikendalikan sama seperti Selangor," katanya.

Kerajaan negeri memperluas imunisasi secara terus ke hampir seluruh daerah bagi mempercepat jumlah penduduk dewasa divaksin. (Foto hiasan)



Pelbagai kaedah percepat vaksinasi bagi capai imuniti kelompok

Kuala Lumpur: Inisiatif pelalian terhadap COVID-19 diperhebat melalui pelbagai kaedah yang dilaksanakan kerajaan negeri dan kementerian, bagi mencapai imuniti kelompok.

Di Johor Bahru, kerajaan negeri memperluas imunisasi secara terus ke hampir seluruh daerah, bagi mempercepat jumlah penduduk dewasa divaksin.

Pengerusi Jawatankuasa Keshidmatan dan Alam Sekitar Johor, R Vidyananthan, berkata vaksinasi untuk rakyat tempatan ditingkatkan sebelum Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) diperlukan kepada warga asing atau pekerja industri.

Katanya, pendekatan vaksin tanpa janji temu itu bagi mencapai sasaran 100 peratus penduduk Johor mendapat dos per-

tama pertengahan bulan ini.

"Inisiatif vaksinasi 'walk-in' di Johor dimulakan pada pertengahan bulan lalu melalui program di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mobile, bagi memberi ruang kepada warga tempatan yang masih belum mendaftar melalui MySejahtera, khususnya di pedalaman.

"Ini juga dibuka kepada se-siapa yang tercincir mendapatkan dos kedua, atas sebab tertentu," katanya dalam kenyataan, semalam.

Vidyananthan berkata, lapan daerah disenaraikan untuk pelalian tanpa janji temu ialah Kulai, Segamat, Tangkak, Muar, Batu Pahat, Pontian, Mersing dan Kluang.

Di Jerantut, Jabatan Kesihatan Pahang menyasarkan semua

penduduk negeri itu yang layak divaksin, menerima sekurang-kurangnya satu dos suntikan vaksin COVID-19 menjelang 21 September ini.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Nor Azimi Yunus, berkata kira-kira 67 peratus daripada 1.75 juta penduduk Pahang sudah menerima dos pertama, manakala lebih 52 peratus menerima dua dos vaksin COVID-19.

Katanya, untuk mencapai sasaran itu, semua Pusat Kesihatan Daerah menjalankan program pemberian vaksin di kawasan terpilih.

"Program ini memberi tumpuan di luar bandar, kawasan sukar menerima akses internet atau jauh dari bandar bagi membantu rakyat mendapatkan suntikan vaksin," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan lawatan kerja ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Outreach di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Padang Piol, semalam.

Hadir sama, Pegawai Kesihatan Daerah Jerantut, Dr Amir Faisal Mohd Khairi.

Di Banting, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan menggabungkan program pelaliannya, iaitu Program Vaksinasi untuk Sektor Agrikomoditi (VACOMS) dengan Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) di bawah Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan. Menterinya, Datuk Zuraida Kamaruddin, berkata gabungan program itu bertujuan menjayakan VACOMS di kawasan terpencil.

"Saya akan satukan kerana MOVAK mempunyai pasukan logistik yang boleh turun ke pedalaman," katanya selepas lawatan kerja ke Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) VACOMS Majlis Kayu-Kayan Malaysia di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan-nya, Datuk Dr Wee Jeck Seng dan Ketua Setiausaha, Datuk M Ravi.

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Jangkitan baharu kekal lepasi angka 19,000

Putrajaya: Angka penularan kes COVID-19 di negara ini kekal melebihi 19,000 dengan 19,057 kes baharu dilaporkan, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada 19,057 kes harian yang dilaporkan semalam, sebanyak 405 kes (2.1 peratus) adalah kategori 3, 4 dan 5.

Katanya, sebanyak 18,652 kes (97.9 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

"Secara keseluruhan, 8,544 kes (44.8 peratus) daripada jumlah kes dilaporkan semalam tiada sejarah vaksinasi, 4,393 kes (23.1 peratus) menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin atau menerima dua dos vaksin tetapi tidak melebihi 14 hari dari tarikh dos kedua, manakala 6,120 kes (32.1 peratus) mempunyai sejarah vaksinasi lengkap," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 362 kes kematian direkodkan semalam menjadikan kes kumulatif adalah 17,883 kes atau 0.98 peratus.

Katanya, kes kematian itu membabitkan 304 warganegara, 58 bukan warganegara; 104 kes meninggal di luar hospital (BID) membabitkan 69 warganegara dan 35 bukan warganegara.

Beliau berkata, jumlah kluster yang direkodkan setakat semalam adalah 4,854 kluster dengan 1,455 kluster masih aktif manakala 16 kluster baharu direkodkan.

Memperincikan jumlah kes jangkitan semalam, katanya, lapan negeri mencatatkan kes baharu empat angka dan paling tinggi dicatatkan di Selangor iaitu 3,775 kes.

"Ia diikuti Sarawak dengan 2,723 kes; Sabah (2,279); Johor (2,077); Pulau Pinang (1,558); Perak (1,450); Kelantan (1,434) dan Kedah (1,329).

"Selain itu Kuala Lumpur (711), Terengganu (605), Pahang (410), Melaka (338), Negeri Sembilan (242), Perlis (99), Putrajaya (18) dan Labuan (sembilan)," katanya.

Dr Noor Hisham turut berkata, kapasiti dan penggunaan katil bukan Unit Rawatan Rapi (ICU) mencapai 71 peratus berbanding penggunaan katil ICU iaitu 87 peratus.

Katanya, setakat kelmarin, 66.7 peratus populasi dewasa menerima dua dos vaksin dan 86.6 peratus menerima satu dos suntikan.

"Sebanyak 47.8 peratus populasi negara ini menerima dua dos vaksin lengkap manakala 62 peratus lagi menerima satu dos suntikan," katanya.

• Sebanyak 47.8 peratus populasi negara ini menerima dua dos vaksin lengkap manakala 62 peratus lagi menerima satu dos suntikan

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Terengganu catat 16 kes jangkitan Delta, Beta

KUALA TERENGGANU

— Sebanyak 16 kes jangkitan Covid-19 membabitkan varian Delta dan Beta dikesan di negeri ini sejak akhir Julai lalu sehingga kelmarin.

Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, daripada jumlah itu, sebanyak tujuh kes membabitkan varian Delta, manakala sembilan kes membabitkan varian Beta.

"Empat kes varian membimbangkan (VOC) direkodkan di daerah Kuala Terengganu, Hulu Terengganu (empat), Marang (tiga), Kemaman (dua) dan masing-masing satu kes di Daerah Setiu, Dungun dan Besut," katanya semalam.

Pada Khamis lalu, Terengganu merekodkan penularan harian tertinggi sebanyak 987 kes sekali gus menjadi yang paling tinggi sejak pandemik itu melanda.

Beliau berkata, tindakan kawalan bagi memastikan tiada penularan varian itu segera dilakukan terutama melakukan pengasingan pesakit dan kontak rapat sepanjang tempoh kuarantin.

"JKNT meminta seluruh masyarakat termasuk individu yang sudah lengkap menerima vaksinasi supaya terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Bagi mengurangkan risiko dijangkiti VOC, masyarakat disarankan agar sentiasa mengelakkan berada di kawasan bersesak dan bersempadan dalam jarak dekat," katanya.

Selain itu, beliau berkata, peningkatan kes yang dikongsikan beliau, di Lembah Klang, Kuala Lumpur mencatatkan kadar R-naught terendah di seluruh negara dengan 0.79, manakala Selangor (0.88) dan Putrajaya (0.99).

“

Dua lagi negeri yang mencatatkan kadar R-naught bawah 1.00 adalah Negeri Sembilan (0.80) dan Melaka (0.88),” katanya.

Dalam pada itu, kes jangkitan di Kuala Lumpur mencatatkan tiga angka empat hari berturut-turut sejak 1 September lalu iaitu masing-masing sebanyak 573, 731, 740 dan 711 kes.

Negara turut menyaksikan 1,219 kematian dalam empat hari

104 kes BID, rekod tertinggi

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA — Negara mencatatkan kes kematian luar hospital tertinggi atau brought-in-dead sebanyak 104 kes daripada 362 kes harian semalam.

Daripada jumlah itu, seramai 69 kes melibatkan warganegara, manakala 35 lagi membabitkan bukan warganegara.

Ini merupakan kali ketiga kes BID mencatatkan tiga angka dengan pada 15 Ogos (101 kes) dan 26 Ogos (100 kes).


Selain itu, kes kematian terus mencetuskan kebimbangan apabila dalam tempoh empat hari pertama bulan ini telah mencatatkan sebanyak 1,219 pesakit meninggal dunia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes kematian mencatatkan 362 kes, menjadikan jumlah kes kematian Covid-19 sebanyak 17,883 kes.

"Kes aktif dengan kebolehjangkitan pula sebanyak 256,302 kes termasuk 978 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi dan 460 kes memerlukan bantuan pernafasan."

"Sebanyak 21,582 kes sembuh dengan jumlah kes sembuh daripada Covid-19 sebanyak 1,550,254 kes," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 19,057 kes baharu dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kes



ORANG ramai melalui lintasan pejalan kaki ala 'Shibuya Crossing' di Bukit Bintang, Kuala Lumpur semalam. — SHIDDIEQIIN ZON

positif Covid-19 sebanyak 1,824,439 kes.

"Selangor merekodkan sebanyak 3,775 kes, diikuti oleh Sarawak sebanyak 2,723 kes, Sabah sebanyak 2,279 kes dan Johor sebanyak 2,077 kes.

"Pulau Pinang (1,558 kes), Perak (1,450 kes), Kelantan (1,434 kes), Kedah (1,329 kes), Tereng-

ganu (605 kes), Pahang (410 kes), Melaka (338 kes) dan Negeri Sembilan (242 kes).

Katanya, selebihnya Perlis (99 kes), Putrajaya (18 kes) dan Labuan (sembilan kes).

Terdahulu, Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kadar R-naught untuk seluruh negara adalah 0.96 mengikut kes seha-

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

Jumlah	
Kes baharu	19,057
Import:	10
Tempatan:	19,047
Pulih	21,582
• Kematian	362
• Masih dirawat	256,302
• Jumlah kes sembuh	1,550,254
• Jumlah Kematian	17,883
Jumlah kes keseluruhan	1,824,439

rian pada 3 September lalu.

Berdasarkan data yang dikongsikan beliau, di Lembah Klang, Kuala Lumpur mencatatkan kadar R-naught terendah di seluruh negara dengan 0.79, manakala Selangor (0.88) dan Putrajaya (0.99).

"Dua lagi negeri yang mencatatkan kadar R-naught bawah 1.00 adalah Negeri Sembilan (0.80) dan Melaka (0.88)," katanya.

Dalam pada itu, kes jangkitan di Kuala Lumpur mencatatkan tiga angka empat hari berturut-turut sejak 1 September lalu iaitu masing-masing sebanyak 573, 731, 740 dan 711 kes.

Dalam pada itu, tegas beliau, JKNT akan memastikan aktiviti pengukuhan dilakukan di semua premis termasuk restoran dan di tapak pembinaan dan permis perniagaan.

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEGARA

Pesakit kategori 3 perlu kerap buat penilaian kendiri

TAMPIN – Pesakit Covid-19 kategori 3 perlu sentiasa membuat penilaian kendiri melalui ‘home assessment tool’ di aplikasi mySejahtera.

Menyertai Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, usaha menurunkan kes kematian di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) dapat dijayaikan sekiranya mereka yang dikuarantin di rumah melaksanakan kawalan kendiri dan pemeriksaan kendiri untuk memantau status kesihatan mereka.

“Sekiranya terdapat kemerosotan kepada keadaan kesihatan pesakit seperti sukar bernafas, sakit dada atau ketepuan oksigen kurang daripada 95 peratus, pesakit hendaklah segera menghubungi ambulans dan mendapatkan kemasukan ke hospital atau Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui sempena lawatan di Hospital Tampin, di sini semalam.



KHAIRY JAMALUDDIN (kanan) bertemu dengan kakitangan dan petugas di Hospital Tampin, Tampin semalam. - MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Jelasnya, bagaimanapun KKM memberi keutamaan kepada pesakit kategori 3 yang mempunyai komorbid untuk mendapatkan rawatan di hospital atau PKRC.

“Pesakit yang tiada komorbid masih disarankan kuarantin di rumah tetapi saya ingin tegaskan dalam kes-kes tertentu, kita bagi pengecualian contoh wanita hamil, keadaan rumah tidak

mengizinkan atau warga emas.

Tambahnya, buat masa ini, KKM berpendapat bagi yang tidak bergejala atau bergejala ringan dan tidak mempunyai rekod komorbid boleh menjalani kuarantin di rumah.

Sepanjang bulan lalu, sebanyak 1,565 kes BID dilaporkan daripada jumlah keseluruhan kematian iaitu 7,640 kes.

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

19,057 kes baharu Covid-19, Selangor kekal negeri tertinggi

SHAH ALAM - Kes baharu Covid-19 dalam negara pada Sabtu menurun kepada 19,057 berbanding 19,378 pada Jumaat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes Covid-19 kini adalah sebanyak 1,824,439 kes.

"Selangor kekal mencatatkan jumlah kes harian tertinggi dengan 3,775 kes," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Menurutnya, 10 kes import direkodkan dan 19,047 kes merupakan penularan tempatan serta membabitkan 16,784 warganegara dan 2,263 warga asing.

Beliau berkata, secara keseluruhan, 8,544 kes daripada jumlah kes yang dilaporkan pada Sabtu tiada sejarah vaksinasi.

"Sebanyak 4,393 kes telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin, manakala 6,120

kes mempunyai sejarah vaksinasi lengkap," katanya.

Tambah Dr Noor Hisham, jumlah kes aktif di Malaysia adalah sebanyak 256,302.


Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak 1,369 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 764 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

"Di ICU, sebanyak 460 kes disyaki, kemungkinan dan dalam

siasatan Covid-19 daripada jumlah pesakit yang memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Menurutnya, terdapat 362 kes kematian direkodkan sekali gus menjadikan jumlah kes seluruhnya 17,883 kes.

"Daripada jumlah kematian, terdapat 104 kematian di luar hospital (BID) yang melibatkan 69 warganegara dan 35 warga asing," kata beliau.



AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Sasar pengurangan 70 peratus katil ICU

Khairi garis 26 KPI

yang perlu dicapai kementeriannya dalam tempoh 100 hari

PUTRAJAYA

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menggariskan 26 petunjuk prestasi utama (KPI) yang perlu dicapai kementeriannya dalam tempoh 100 hari termasuk pengurangan sehingga 70 peratus penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) Covid-19.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut menyasarkan penggunaan katil bukan ICU menurun sehingga 50 peratus bagi

tempoh sama.

"Kita akan memastikan negeri-negeri seperti Kedah dan Sabah mempunyai kapasiti ICU mencukupi. Jika perlu, kita akan menghantar beberapa unit ICU kepada yang memerlukan," katanya dalam temu bual bersama media berhubung petunjuk prestasi utama (KPI) 100 hari KKM pada Jumaat.

Menurutnya, kementerian itu akan memberi fokus dalam usaha mengurangkan peratusan kes kematian di luar hospital (BID) kepada kurang 15 peratus daripada jumlah kematian.

"Kita juga akan memastikan fasiliti kesihatan mempunyai silinder oksigen yang mencukupi. Setakat ini tiada fasiliti KKM yang kekurangan peralatan tersebut," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata, kerajaan akan memulakan

**MENDEPANI KRISIS COVID-19:
APA TINDAKAN KITA?**



FOTO: BERNAMA

